

OIC perlu lebih efektif

KUALA LUMPUR 7 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) supaya lebih efektif memperjuangkan nasib umat Islam yang tertindas di seluruh dunia dan bukannya sekadar mengeluarkan kenyataan mengutuk sesuatu isu.

Tegas Perdana Menteri, OIC sepatutnya mencari cara yang lebih berkesan dan produktif mempertahankan hak umat Islam yang tertindas sejajar dengan kekuatan orang Islam di seluruh dunia yang kini mencecah 1.3 bilion.

Beliau menarik perhatian bahawa OIC memang boleh mengeluarkan pelbagai kenyataan keras terhadap sesuatu isu, tetapi realitinya pihak lain tidak ambil peduli kerana anggota badan itu tidak bersatu hati.

Menurut beliau, ingatannya itu bagaimanapun bukan bermaksud menyuruh OIC memerangi mereka yang menindas umat Islam, tetapi sebaliknya OIC mesti mengetahui kelemahan dan kekuatan umat Islam.

“Kita tidak mampu nak buat apa-apa pun, bagi saya nak buat kenyataan adalah mudah dan lepas itu tidurlah.

“Sebaliknya, kita kena cari cara lebih berkesan dan bawaja itu lebih penting dari hanya buat kenyataan... kita buat kenyataan dah banyak dah.

“Saya tahu ini sensitif tetapi saya rasa saya perlu nyatakan dan saya tidak percaya dengan kekuatan 1.3 bilion orang Islam, nampaknya kita tidak boleh buat sesuatu pun,” katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan sempena Mukhtamar Ketujuh Menteri-Menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam di Hotel Istana di sini, hari ini.

perjuang nasib umat Islam

Terdahulu dalam ucapannya, Perdana Menteri membangkitkan rasa malunya berikutan ramai orang Islam dan bukan Islam mempersendakan OIC dengan menyatakan: “Oh! I see (Oh! saya nampak).”

Menurut Perdana Menteri, beliau memahami persepsi ramai orang Islam sekarang terhadap OIC kerana realitinya badan itu hanya sekadar melihat (sesuatu isu) dan tidak berbuat apa-apa.

“Sejak penubuhannya, OIC tidak menyerlah kerana anggotanya jarang bersetuju mengenai isu-isu dan

agensi-agensinya gagal melaksanakan tugas masing-masing,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, jika beliau dibenarkan bersuara, beliau akan menyatakan umat Islam dan negara Islam bukannya terlalu Islamik kerana gagal menyahut ajaran agama supaya umat Islam bersatu padu.

“Kita tidak boleh menerima sesama kita sebagai rakan. Ketika musuh berada di pintu, kita sibuk mencuba untuk menjatuhkan kerajaan dan melemahkan sesama sendiri.

“Yang sedihnya, mereka (mendakwa) berbuat demikian atas nama Islam.

“Sebaliknya, jika atas nama Islam, kita perlu menggalakkan perpaduan orang Islam dan jika kita bersatu hati, segala kelemahan akan dapat diatasi,” katanya.

Dalam pada itu, semasa sidang akhbar, Dr. Mahathir berkata, negara Islam boleh membantu rakan sesama Islam mereka jika mereka bertindak secara rasional tanpa mengikut perasaan marah atau melepaskan geram.

“Itu tidak berguna, tetapi kita mesti bertindak untuk mencapai kejayaan,” tegas beliau.